

09 JUL 1998

Sudan-Pelaburan

M'SIA BERMINAT TINGKAT HUBUNGAN EKONOMI DENGAN SUDAN

KUALA LUMPUR, 9 Julai (Bernama) -- Malaysia berminat untuk meningkatkan hubungan ekonomi dengan Sudan yang dijangka melibatkan lebih banyak pelaburan dari negara ini, kata Menteri Luar Sudan Dr Mustafa Osman Ismail hari ini.

Katanya, mesej itu disampaikan kepadanya semasa beliau mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Jabatan Perdana Menteri di sini hari ini.

"Beliau memberitahu saya bahawa Malaysia berminat untuk menjalin lebih banyak kerjasama dengan negara saya, lebih banyak pelaburan dari Malaysia akan datang ke Sudan dan lebih banyak produk Malaysia akan memasuki pasaran Sudan," katanya kepada pemberita selepas pertemuan itu.

Mustafa berkata Dr Mahathir turut memberi nasihat mengenai bagaimana Sudan dapat menggalakkan usaha sama antara kedua-dua negara.

"Perdana Menteri juga menasihatkan bahawa kita perlu menumpukan pelaburan kita dalam bidang pertanian," katanya.

Mustafa berkata, beliau memberi taklimat kepada Dr Mahathir mengenai keadaan politik, ekonomi dan hubungan luar Sudan secara keseluruhan.

Beliau berharap hubungan dua hala dapat dipertingkatkan lagi dengan adanya mesyuarat peringkat menteri di Khartoum awal tahun depan.

Mengenai pelaburan, beliau berkata peniaga yang ingin melabur tidak perlu bimbang mengenai keadaan keselamatan dan suasana pelaburan di Sudan.

Mustafa berkata suasana pelaburan di negaranya stabil dan propaganda Barat terhadap Sudan gagal untuk menghalang pelabur dari negara-negara seperti Jerman, Itali dan United Kingdom daripada datang ke Sudan.

"Sudah hampir lapan tahun sejak kami menerima pelabur-pelabur besar di Sudan dan tiada seorangpun pekerja telah dcederakan, yang menunjukkan bahawa suasana pelaburan di Sudan adalah amat stabil," katanya.

Sementara itu, Gubenor Bank Sudan Dr Sabir Mohammed El Hassan yang turut mengiringi Mustafa berkata usaha sedang dijalankan untuk mewujudkan kerjasama antara bank pusat kedua-dua negara.

Sabir, yang juga telah mengadakan perbincangan dengan Gabenor Bank Negara Tan Sri Ahmad Mohd Don berkata, mereka sependapat bahawa walaupun hubungan ekonomi dan pelaburan baik antara kedua-dua pihak, hubungan perbankan antara kedua-dua negara masih ketinggalan.

"Jadi kita telah bersetuju untuk menggalakkan bank-bank komersil dari kedua-dua negara supaya mewujudkan hubungan dan kami telah bertukar-tukar senarai bank yang akan digalakkan untuk berbuat demikian," katanya.

Mereka juga turut membincangkan mengenai kemungkinan mewujudkan perjanjian bayaran dua hala bagi mempertingkatkan perdagangan dan telah bertukar-tukar draf perjanjian yang akan dipertimbangkan oleh kedua-dua pihak.

Sabir berkata, Sudan juga berminat untuk menggunakan kemudahan kredit minyak sawit Malaysia bagi membolehkannya mengimport lebih banyak komoditi itu.

-- BERNAMA
MAM RHM MAI